

Biar DBKK rancang dan bina pasar kraftangan tempatan: Karim

OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU: Kerajaan menyerahkan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk merancang serta membina pasar kraftangan tempatan di kawasan ibu negeri, kata pembantu Menteri Pelancongan Alam Sekitar, sains dan Teknologi, Datuk Karim Bujang.

Beliau berkata, ini memastikan semua hasil kraftangan tradisi masyarakat tempatan dipasarkan kepada masyarakat tempatan dan pelancong luar negeri, seperti pasar kraftangan yang dikenali sebagai Pasar Filipina.

Menurutnya, dengan adanya pasar itu dapat membantu memasarkan hasil kraftangan tempatan oleh peniaga tempatan, selain agensi kerajaan berkenaan seperti Kraftangan Malaysia.

"Ini akan membantu pengusaha kraf-

tangan tempatan meningkatkan pengeluaran serta dapat bersaing dengan hasil kraftangan yang diimport yang dijual di Pasar Filipina," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menyampaikan Wacana Seni bertajuk 'Melestarikan Warisan Budaya Sabah' di Theaterette Ahmad Nisfu, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Teluk Likas, kelmarin.

Karim berkata, kerajaan tidak boleh mengambil alih Pasar Filipina berkenaan kerana ia dibina oleh pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah bidang UNCHR, khusus bagi golongan pelarian untuk berniaga satu ketika dulu.

Menurutnya, peniaga yang s dia ada dikekalkan kerana Malaysia mengamalkan pasaran terbuka dan sesiapa pun tidak dilarang berniaga mengikut peraturan yang ditetapkan dan dipatuhi oleh peniaga terbabit.

Beliau berkata, kebanyakan peniaga di pasar itu sekarang adalah peniaga tempatan selain mereka yang memiliki sijil taraf penduduk tetap di negeri ini.

Bagaimanapun, menurutnya soal membina premis sendiri untuk memasarkan hasil kraftangan tempatan memang dibincangkan dengan pihak DBKK dan pihak berkenaan diberi kepercayaan untuk merancang pada masa akan datang.

"Kita tidak boleh biarkan begitu sahaja, sebaliknya perlu melaksanakan perubahan yang perlu untuk memastikan pasar kraftangan itu turut memasarkan hasil tradisi budaya kita juga," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu semua pengusaha kraftangan tempatan supaya meningkatkan mutu pengeluaran mereka untuk bersaing dengan pengeluaran kraftangan import, khususnya dari Filipina dan Indonesia.